

Pelaporan Berita Bunuh Diri Sarawak

Diterajui oleh pengamal media dan pemandiri

Panduan ini merangkumi isu bunuh diri termasuk percubaan bunuh diri, tabiat mencederakan diri sendiri dan juga kematian akibat bunuh diri.

UNTUK SIAPA?

- Wartawan
- Editor
- Pencipta Kandungan

KENAPA PEDULI?

- Media memainkan peranan yang penting dalam pencegahan bunuh diri.
- Laporan media berpotensi untuk memperkasakan atau mengekang usaha pencegahan bunuh diri.
- Laporan media yang tidak bertanggungjawab tentang bunuh diri boleh meningkatkan risiko bunuh diri akibat daripada peniruan perilaku bunuh diri.
- Laporan yang bertanggungjawab tentang bunuh diri boleh mendidik orang ramai, memberi kesedaran kepada orang ramai tentang bunuh diri dan cara-cara pencegahannya.
- Media mampu mengurangkan stigma dan menggalakkan perbincangan tentang bunuh diri secara terbuka.

LAPORAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

- Laporkan laporan kejadian bunuh diri sebagai isu kesihatan awam.
- Naratif yang memberi harapan untuk pulih daripada krisis bunuh diri bagi mengurangkan penularan (peniruan) perilaku bunuh diri.
- Sertakan di dalam laporan, sumber dan maklumat tentang tanda-tanda amaran bunuh diri, talian bantuan dan juga sumber rawatan.
- Gunakan bahasa yang sesuai kerana sesetengah frasa dan perkataan boleh mencetuskan stigma tentang isu bunuh diri, menyebarkan mitos dan melemahkan usaha-usaha pencegahan bunuh diri seperti "menghukum pelaku", "merendah/menghina si pelaku" sebagai seorang yang tiada agama dan tidak beriman.

LAKUKAN

- ✓ Menjaga privasi si mati. Laporkan hanya tentang jantina dan umur dalam laporan. Penulis juga boleh menyebut secara umum iaitu tempat dan masa (contohnya: ditemui di Miri atau Kuching dan pada hari Selasa pukul 6 pagi).
- ✓ Laporkan mangsa sebagai ditemui mati dan bukannya menyatakan mangsa mati sebagai akibat daripada bunuh diri (jika tidak disahkan).
- ✓ Hubungi polis untuk mengesahkan sama ada pihak berkuasa telah menerima laporan mengenai kejadian bunuh diri.
- ✓ Hendaklah memasukkan sumber-sumber sokongan kesihatan mental (kaunseling, kumpulan sokongan) atau talian bantuan dalam laporan berita.

ELAKKAN

- ✗ Jangan mendedahkan identiti mangsa seperti nama, agama, bangsa, pekerjaan, sejarah rawatan dan lain-lain.
- ✗ Jangan memuat naik gambar dan video yang berkaitan dengan kejadian bunuh diri (termasuk gambar yang dikaburkan, grafik atau ilustrasi yang menunjukkan kaedah/bunuh diri)
- ✗ Jangan memuat naik nota bunuh diri.
- ✗ Jangan melaporkan kaedah dan peralatan yang digunakan si pelaku untuk bunuh diri atau lokasi yang tepat.
- ✗ Elakkan menemu bual ahli keluarga, saudara mara atau rakan yang sedang bersedih atau mengambil pos media sosial tanpa kebenaran.
- ✗ Jangan menggunakan istilah bunuh diri seperti "berjaya bunuh diri", "percubaan tidak berjaya" atau "percubaan gagal".
- ✗ Jangan mensensasikan laporan berita sebagai tajuk utama dan juga apabila mangsa melibatkan orang kenamaan / berpengaruh / selebriti.

TALIAN BANTUAN

- ☎ Talian Heal
15555
- ☎ Befrienders KL
03-76272929
- ☎ Life Line Association Malaysia
03-42657995
- ☎ Befrienders Kuching
082-242800 (6.30 ptg - 9.30 mlm)



Ada soalan?
Pertanyaan lanjut:
<http://surl.li/keq1s>

